

Headline **Sebarkan kebaikan susu di Hari Susu Sedunia**  
Date **04 Jul 2010**  
MediaTitle **Remaja**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Fortnight**  
Circ / Read **76,315 / 181,318**

Language **Malay**  
Page No **143**  
Article Size **121 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,048**  
PRValue **3,143**



## Sebarkan kebaikan susu di Hari Susu Sedunia!



**B**erlangsung pada 30 Mei 2010, hampir 2,500 rakyat Malaysia termasuk personaliti terkenal, badan-badan uniform, dan pelajar-pelajar sekolah menyambut Hari Susu Sedunia Dutch Lady 2010. Ia turut tercatat di dalam *Malaysia Book of Record* sebagai acara minum susu terbesar. Bertempat di Pavilion, Kuala Lumpur, majlis ini diserikan lagi dengan penyerahan sijil *Malaysia Book of Record* oleh pengasas dan pengarah urusan *Malaysia Book of Record* (MRB) Datuk Danny Ooi kepada Pengerusi Dutch Lady Milk Industries Berhad, Dato' Zainal Abidin bin Putih serta Pengarah Urusan Dutch Lady Milk Industries Berhad, Mr. Bas van den Berg. Majlis menjadi bertambah meriah apabila pihak Dutch lady menyediakan hampir 250,000 kotak susu UHT dengan dua perasa popular iaitu rendah lemak dan coklat secara percuma. Antara personaliti tempatan yang mengambil bahagian ialah Amber Chia, Reshmonu, Sasha Bashir, Najwa, Sahrizan Borhan dan Alif Satar. Hari Susu Sedunia ini memberikan pendedahan serta mencipta kesedaran kepada umum mengenai implikasi dan kebaikan daripada susu dengan cara yang segar dan menyeronokkan. 🍓